



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR**

Telefon: 03-61794752

Faksimile: 03-62414679

E-mel: wea0260@moe.edu.my



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (65)
Tarikh : 05 Mei 2023

**Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGOPERASIAN SEKOLAH DALAM SITUASI CUACA PANAS ATAU PENGOPERASIAN SEKOLAH DALAM SITUASI CUACA PANAS ATAUUPUN SEBARANG KEADAAN CUACA YANG DI LUAR JANGKAAN DAN LANGKAH MENCEGAH PENULARAN COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak sekolah merujuk surat siaran dan kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan berhubung penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa menghadapi cuaca panas dan jerebu. Pihak KPM sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid khususnya semasa menghadapi keadaan cuaca panas ataupun sebarang keadaan cuaca yang di luar jangkaan dan pencegahan penularan COVID-19.

3. Selaras dengan arahan dan saranan KPM dalam menghadapi keadaan cuaca panas ataupun sebarang keadaan cuaca yang di luar jangkaan dan mencegah penularan COVID-19, semua murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana (AKP):

- 3.1 **dibenarkan memakai pakaian/baju sukan yang sopan dan sesuai untuk keselesaan murid, guru dan AKP dalam menghadapi cuaca panas pada hari persekolahan;**
- 3.2 **digalakkan membawa bekalan air dan meminum air kosong yang mencukupi. Mesin air Coway PIBG ada disediakan;**
- 3.3 **digalakkan memakai pelitup muka apabila berada dalam kawasan sekolah; dan**
- 3.4 **melakukan ujian kendiri COVID- 19 sekiranya ada ahli keluarga dijangkiti COVID-19 atau bergejala sebelum hadir ke sekolah/bertugas.**

4. Bagi mematuhi arahan dan saranan KPM, pihak sekolah telah menangguhkan semua aktiviti di luar bilik darjah atau di luar dewan atau di tempat tidak berbumbung demi kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid. Penangguhan ini berkuat kuasa serta-merta tanpa mengira bacaan suhu persekitaran sehingga KPM mengeluarkan pemakluman membenarkan semula aktiviti tersebut.

5. Pihak sekolah akan sentiasa memantau keadaan cuaca dan status bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dari semasa ke semasa supaya tindakan segera dapat diambil bagi menjamin kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana.

.../2-

6. Pertanyaan lanjut mengenai pemakluman ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur